

# Hektar Reit unjur pulangan 8.47 peratus

Oleh Nor Liza Ahmad

**H**EKTAR Reit, dana amanah pelaburan hartanah (Reits) yang diuruskan Hektar Asset Management Sdn Bhd (HAM), anak syarikat Hektar Group diunjurkan memberikan pulangan sebanyak 8.47 peratus kepada pelabur runcit tahun depan.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif HAM, Datuk Jaafar Abdul Hamid, berkata kadar pulangan itu berdasarkan kepada harga indikatif RM1.05 seunit.

"Berdasarkan unjuran itu, Hektar Reit yang bakal disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia 4 Disember ini adalah antara tawaran awam permulaan (IPO) Reit yang memberi pulangan menarik kepada pelabur," katanya selepas majlis pelancaran prospektus Hektar Reit di Subang Jaya, semalam.

Sempena penyenaraianannya, Hektar Reit menawarkan sejumlah 159.5 juta unit saham baru dengan 10 juta unit disediakan untuk langganan awam, manakala enam juta diperuntukkan kepada kakitangan, pengrahan dan sekutu perniagaan Kumpulan Hektar yang layak.

Sejumlah 143.5 juta lagi ditawarkan kepada pelabur institusi dengan harganya ditentukan menerusi proses bidaan.

IPO Hektar Reit dijangka menjana kira-kira RM176 juta.

Ketika ini Hektar Reit mempunyai



**PILIHAN PELABURAN:** Jaafar (kiri) dan pengurusan kanan Hektar Asset Management melancarkan prospektus Hektar Reit di Subang Jaya, semalam.

dua hartanah dalam portfolio pelaburannya iaitu pusat beli-belah Subang Parade di Subang Jaya dan Mahkota Parade di Melaka bernilai RM523 juta.

Jaafar berkata, HAM akan mengembangkan portfolio pelaburan Hektar Reit dengan membeli lebih banyak harta tanah di lokasi strategik yang mampu memberi pulangan menarik.

Beliau berkata, baru-baru ini HAM berunding dengan enam pemilik har-

**FAKTA NOMBOR**  
**Hektar Reit**  
**159.5 juta**  
unit IPO ditawarkan  
**10 juta**  
unit disediakan langganan awam

tanah termasuk komersial dan ruang pejabat.

"Semua harta tanah terbabit terletak di luar Lembah Klang termasuk di Sandakan, Sabah dan kami sedang melihat potensi harta tanah terbabit."

Jaafar berkata, HAM juga merancang membangunkan pusat peruncitan gaya hidup dikenali sebagai 'Hilltop' di Bandar Nusajaya, Johor dan menumpukan kepada pembangunan harta tanah di kawasan seluas 0.8 hektar berhampiran Subang Parade.